

# Model Ekonomi Baru penentu survival kemakmuran negara

20/05/2010

M/S 29

Md. Shukri  
Shuib



**T**ITAH Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin bahawa langkah kerajaan memperkenalkan Model Ekonomi Baru (MEB) bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju satu langkah berpandangan jauh yang jelas menggambarkan harapan tinggi Seri Paduka kepada kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Razak.

Titah dan harapan besar Seri Paduka bukan saja menjurus kepada puji-pujian terhadap kerajaan, sebaliknya ia adalah satu titah yang perlu diterima sebagai cabaran besar negara, termasuk kerajaan, ahli politik, pemedal, pentadbir, pendidik serta seluruh rakyat Malaysia bagi berusaha memanasifestasikan usaha yang ber-sungguh untuk mewujudkan komuniti ber-pondapatan tinggi serta

gitu menyanjung jasa Tun Abdul Razak Hussein yang berjaya meninggalkan legasi penting ekonomi pembangunan negara menerusi cetusan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Kini sejarah seolah berulang, apabila anak Tun Razak pula iaitu Najib meng-ilhamkan MEB sebagai platform kepada corak geo-ekonomi Malaysia yang akan di-gunakan untuk jangka panjang dalam me-macu pertumbuhan negara.

MEB ini cukup signifikan untuk diben-tang, dibahas dan dikritik dengan membina serta diluluskan dewan. MEB bukan saja sepatutnya difahami sebagai satu model bagi dasar ekonomi semata-mata, malah ia adalah satu model bagi melestarikan Ma-laysia dari segi kehidupan negara dan rak-yat itu sendiri.

Jaringan 'tri-fungsi sejagat' yang saya rangkumkan merangkumi aspek geo-eko-nomi, sosial dan politik yang saling berkait rapat dengan sesuatu kehidupan. MEB juga tidak harus dilihat sebagai dasar aplikasi ekonomi semata-mata, sebaliknya satu mo-del dan dasar merangkumi segenap denyut nadi dan kehidupan komuniti teras satu Malaysia.

Pengubalan MEB ti-dak boleh diabaikan

pendapatan tinggi ser  
maju.

Pastinya tanpa doko-  
ngan seluruh masyara-  
kat yang pelbagai latar  
geo sosioekonominya  
ditambah pula oleh ke-  
pelbagaian fahaman poli-  
tik atas asas demokra-  
si, maka usaha keraja-  
an akan terganggu.  
Kesan gangguan ke atas  
dasar dan aplikasi kerja  
yang hendak dilaksana-  
kan kerajaan akan pula  
menyebabkan kerugian  
kepada rakyat.

Maka sebarang gang-  
guan dan kelewatan  
yang membantutkan  
usaha kerajaan untuk  
melaksanakan dasar  
yang baik bagi negara  
adalah ancaman besar  
terhadap kelangsungan  
survival kemakmuran  
negara.

Inilah sebutkan  
Yang di-Pertuan Agung istilah 'berpan-  
jangan jauh', yakni dalam setiap tingkah  
laku sosial, politik dan ekonomi, utama-  
kan asas negara sebagai teras utama jati  
diri. Dengan patriotnya setiap wakil rak-  
yat yang menjadi penggubal undang-  
undang dan dasar negara, maka negara akan  
beroleh kebaikan dan kemakmuran hasil  
daripada deria kebijaksanaan ahli legis-  
latif.

Justeru, persidangan Dewan kali ini di-  
lihat penting kepada wakil rakyat yang  
menjadi anggota legislatif untuk bersama-  
sama Najib, menyumbangkan idea dan  
pandangan bernas yang berpandangan  
jauh bagi memacu negara dalam usaha  
membina satu model baru ekonomi, sejajar  
perkembangan semasa tanah air dan du-  
nia.

Untuk itu, MEB yang dicetuskan kera-  
jaan haruslah diberikan input berguna  
buat kerajaan bukan saja menggubal ma-  
lah melaksanakan dasar ekonomi berke-  
naan. Umum harus sedar bahawa MEB  
adalah wadah bersejarah buat negara dan  
keluarga Razak. Ini disebabkan negara be-

“**MEB**  
bukan  
saja

*sepatutnya  
difahami sebagai  
satu model bagi  
dasar ekonomi  
semata-mata,  
malah ia adalah  
satu model bagi  
melestarikan  
Malaysia dari segi  
kehidupan negara  
dan rakyat itu  
sendiri”*

gak harus dipandang ri-  
ngan oleh masyarakat.  
Saranan serta pandan-  
gan jauh harus dilon-  
tar dan ia penting bagi  
digunakan kerajaan da-  
lam penggubalan dasar  
ini, apatah lagi ia bukan  
saja membabitkan 'ha-  
yat kerajaan' tetapi as-  
pek yang akan menen-  
tukan hala tuju negara  
serta mengenai 'rezeki'  
rakyat seluruhnya.

Teras 1Malaysia yang  
semestinya berpandukan  
elemen teras perlemba-  
gaan dengan legasi DEB  
bersama tema rakyat di-  
dahulukan dan pencapai-  
an diutamakan seperti  
dicetuskan Najib diper-  
cayai dan sepatutnya ter-  
terap secara 'tradisi' da-  
lam apa juga dasar serta  
pendekatan politik-eko-  
nomi negara.

MEB ini tidak harus  
mengambil mudah perkara asas perlemba-  
gaan yang tradisinya dibina seperti Per-  
kara 153, harus terus dijadikan 'jati dasar'  
kepada kerajaan dan penggubal dasar da-  
lam segenap aspek pembangunan yang di-  
laksanakannya.

Jika DEB baru yang digubal era Tun  
Razak sejak 1970 dan kekal sehingga kini  
aplikasinya, maka MEB ini pula secara  
strategiknya dilihat sekurang-kurangnya  
dibina atas asas pertimbangan dan wa-  
wasan jauh agar ia relevan seperti mana  
DEB. Sememangnya setiap dasar ada ke-  
pincangannya.

Biar apapun alasan dan polemik yang  
cuba dicetuskan pembangkang, rakyat ha-  
rus bersama kerajaan demi memastikan  
MEB ini berwadahkan pembangunan yang  
merangkumi kepentingan semua masya-  
rakat, dan elemen teras perlembagaan ne-  
gara yang sedia ada harus diterap dan  
dikekalkan.

Penulis ialah pensyarah di Universiti Utara  
Malaysia